

Bil. S 44

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH REKA BENTUK PERINDUSTRIAN (PINDAAN), 2014

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari S 7/2000.
 3. Pindaan bab 26.
 4. Pemasukan bab 57A baru.
 5. Pemasukan Bahagian VIA baru.
 6. Pemasukan bab 78A baru.
 7. Pindaan Perintah utama.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH REKA BENTUK PERINDUSTRIAN (PINDAAN), 2014

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan), 2014.

Pindaan bab 2 dari S 7/2000.

2. Bab 2 dari Perintah Reka Bentuk Perindustrian, 1999, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda dengan memasukkan takrifan-takrifan baru yang berikut mengikut susunan abjad yang betul —

“ ‘Jurnal’ bermakna Jurnal Reka Bentuk Perindustrian yang disebut dalam bab 78A (1);

“Menteri” bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi Reka Bentuk Perindustrian;

“Akta Geneva Perjanjian The Hague” bermakna Akta, yang ditandatangani di Geneva pada 2hb Julai 1999, Perjanjian The Hague mengenai Pendaftaran Antarabangsa Reka Bentuk Perindustrian;

“Biro Antarabangsa” bermakna Biro Antarabangsa Pertubuhan Harta Intelek Sedunia;

“pendaftaran antarabangsa” bermakna pendaftaran antarabangsa bagi suatu reka bentuk perindustrian yang dibuat mengikut Akta Geneva Perjanjian The Hague.”.

Pindaan bab 26.

3. Bab 26 dari Perintah utama itu adalah dipinda, dalam ceraiian (1)(d), dengan memotong “*Gazette*” dan menggantikannya dengan “*Journal*”.

Pemasukan bab 57A baru.

4. Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraiian (1)(d), dengan memasukkan sejurus selepas bab 57 bab baru yang berikut —

“Remedi bagi ancaman tidak berasas dengan prosiding pelanggaran.

57A. (1) Jika seseorang itu (sama ada atau tidak berhak kepada atau mempunyai kepentingan ke atas suatu reka bentuk berdaftar atau permohonan bagi pendaftaran suatu reka bentuk) mengancam mana-mana orang lain dengan prosiding kerana melanggar suatu reka bentuk berdaftar, mana-mana orang yang tidak puas hati dengan itu boleh membawa prosiding terhadap orang yang membuat ancaman itu bagi mendapatkan pelepasan di bawah bab ini.

(2) Pelepasan yang boleh dipohonkan adalah —

(a) suatu pengisytiharan bahawa ancaman itu tidak ada justifikasinya;

(b) suatu injunksi terhadap penerusan ancaman itu; dan

(c) ganti rugi, berkaitan dengan apa-apa kerugian yang telah ditanggung olehnya kerana ancaman itu, dan plaintif berhak mendapatkan pelepasan tersebut melainkan jika —

(i) defendan membuktikan bahawa perbuatan yang berkaitan dengannya prosiding itu diancam menjadi, atau jika dilakukan akan menjadi, suatu pelanggaran reka bentuk itu; dan

(ii) plaintif gagal membuktikan bahawa pendaftaran reka bentuk yang berkenaan adalah tidak sah.

(3) Prosiding tidak boleh dibawa di bawah bab ini berkenaan dengan ancaman untuk membawa prosiding kerana pelanggaran yang dikatakan mengandungi pembuatan atau pengimportan apa-apa benda.

(4) Bagi maksud-maksud bab ini, sesuatu pemberitahuan bahawa suatu reka bentuk didaftarkan dengan sendirinya tidak menjadi ancaman prosiding dalam makna bab ini.

(5) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menjadikan seorang peguam bela atau peguam cara dikenakan tindakan di bawah bab ini berkaitan dengan sesuatu perbuatan yang dilakukan olehnya atas sifat profesionalnya bagi pihak klien.”

Pemasukan Bahagian VIA baru.

5. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas Bahagian VI Bahagian baru yang berikut —

“BAHAGIAN VIA

AKTA GENEVA PERJANJIAN THE HAGUE DLL.

Kuasa untuk membuat peruntukan yang menguatkuasakan Akta Geneva Perjanjian The Hague dll.

76A. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan untuk menguatkuasakan di Negara Brunei Darussalam peruntukan-peruntukan Akta Geneva Perjanjian The Hague atau mana-mana triti, konvensyen, penyusunan atau perjanjian lain berhubung dengan reka bentuk yang Negara Brunei Darussalam menjadi satu pihak kepadanya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna ceraian (1), aturan-aturan boleh, khususnya, dibuat untuk mengadakan peruntukan bagi —

(a) prosedur yang akan diikuti untuk memfailkan permohonan bagi pendaftaran antarabangsa melalui Pejabat Pendaftaran;

(b) prosedur yang akan diikuti jika permohonan bagi pendaftaran antarabangsa gagal atau pendaftaran antarabangsa terhenti daripada berkuat kuasa;

(c) kesan permohonan yang berjaya bagi pendaftaran antarabangsa yang menetapkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara di mana reka bentuk itu hendak didaftarkan;

(d) penyampaian maklumat kepada Biro Antarabangsa; dan

(e) pembayaran bayaran (termasuk bayaran penghantaran) dan amaun yang ditetapkan berkaitan dengan permohonan bagi pendaftaran, pembetulan dan pembaharuan antarabangsa.

(3) Peruntukan boleh juga dibuat dalam aturan-aturan untuk mengenakan, berhubung dengan suatu reka bentuk antarabangsa (Negara Brunei Darussalam), peruntukan-peruntukan bab 57A dan Bahagian-Bahagian IV dan VIII.

(4) Bagi maksud-maksud ceraian (3), “reka bentuk antarabangsa [Negara Brunei Darussalam]” bermakna —

(a) suatu reka bentuk yang berhak mendapatkan perlindungan di Negara Brunei Darussalam di bawah Akta Geneva Perjanjian The Hague; atau

(b) suatu reka bentuk yang ditetapkan oleh Menteri sebagai suatu reka bentuk antarabangsa [Negara Brunei Darussalam].”

Pemasukan bab 78A baru.

6. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 78 bab baru yang berikut —

“Kuasa Pendaftar untuk menyiarkan jurnal.

78A. (1) Pendaftar boleh menyiarkan atau menyebabkan untuk disiarkan suatu jurnal yang dinamakan Jurnal Reka Bentuk Perindustrian yang di dalamnya boleh disiarkan dokumen dan maklumat yang berhubung dengan suatu reka bentuk perindustrian berdaftar atau suatu permohonan bagi pendaftaran sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pendaftar.

(2) Untuk mengelakkan keraguan, Jurnal itu hendaklah menjadi jurnal rekod rasmi.

(3) Suatu penerbitan yang dinyatakan di bawah Jurnal tidak semestinya dalam bentuk dokumentari.”

Pindaan Perintah utama.

7. Perintah utama adalah dipinda, kecuali dalam bab 1(1), dengan memotong “Attorney General” di mana sahaja perkataan-perkataan itu terdapat dan menggantikannya dengan “Minister”.

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 25 haribulan Ogos, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM